

Headline	Fitri mahu rakan sepasukan bangkit		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	22 Feb 2017	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Arena	Page No	61
ArticleSize	96 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,646		



Fitri mahu rakan sepasukan bangkit

Kuala Lumpur: “Kami perlu bangkit semula.”

Itu kata-kata semangat pemain tengah Terengganu Hockey Team (THT) Fitri Saari kepada rakan sepasukan menjelang aksi separuh akhir pertama merebut Piala TNB menentang Universiti Kuala Lumpur (UniKL) hari ini.

Masih merasai kegagalan mempertahankan kejuaraan liga selepas tewas kepada Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) pada perlawanan terakhir, Fitri berharap perkara sama tidak diulangi dalam misi mereka mempertahankan Piala TNB.

“Kami semua memang berasa kecewa. Tapi hakikat yang harus diterima mempertahankan kejuaraan itu lebih sukar berbanding memenangnya buat kali pertama.

“Kami tidak mahu dikesewakan pada saingan Piala TNB pula. Oleh itu, kami akan bermain habis-habisan apabila bertemu UniKL

esok (hari ini),” katanya ketika dihubungi semalam.

Ketika THT menyimpan niat besar mempertahankan piala berprestij itu, pertahanan KLHC, Mohammad Izad Hakimi Jamaluddin pula menggesa rakan sepasukannya untuk terus bersemangat melakar hatrik.

Untuk mencapai misi itu, mereka perlu berdepan TNB pada dua aksi separuh akhir iaitu pada hari ini serta Jumaat.

“Kami sudah memenangi Piala Sumbangsih dan kejuaraan liga. Jika kami dapat memenangi Piala TNB ia pasti lebih bermakna.

“Malah saya sendiri amat berharap kami dapat melakukannya. Inilah peluang terbaik kami.

“Sebab KLHC kini mempunyai kekuatan yang seimbang. Kami mempunyai barisan pemain kebangsaan yang bagus, begitu juga dengan pemain import,” katanya.